

28 OCT 1996

Jayawaris

PROGRAM JAYAWARIS DAPAT SAMBUTAN BAIK

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Program Jayawaris yang bertujuan membina warganegara yang berkualiti, berkemahiran dan menghayati nilai hidup masyarakat yang murni telah dilancarkan di lima buah negeri dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Ketua Pengarah Biro Tatanegara (BTN) Datuk Dr Haji Mohd Shahar Sidek berkata, setakat ini program itu telah dilancarkan di Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang.

Bagaimanapun, jumlah mereka yang menyertai program itu masih belum diketahui secara spesifik tetapi difahamkan amat baik, katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar Jayawaris Wanita PERKIM SeMalaysia di sini hari ini.

Seminar dua hari yang dihadiri 250 wanita PERKIM dari seluruh negara itu dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Program Jayawaris Kebangsaan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad April lepas.

Beliau berkata, program itu dijangka dapat dilancarkan ke semua negeri akhir tahun ini dan menambah kata BTN kini sedang mempromosikan Kelab Jayawaris di daerah-daerah dan kampung.

BTN akan membantu dari segi latihan dan peralatan bagi kelab tersebut tetapi pelaksanaannya perlu dijayakan oleh masyarakat di kawasan berkenaan, katanya.

Terdahulu, ketika berucap Dr Siti Hasmah menyeru ibubapa mengambil daya usaha membentuk keluarga masing-masing bagi menangani masalah sosial yang ditimbulkan golongan remaja masa kini.

Katanya, institusi keluarga merupakan wadah pertama dan utama untuk melahirkan sebuah masyarakat sepertimana yang diharapkan oleh wawasan negara.

Pembentukan sebuah masyarakat yang mantap serta mampu menyerap dan menangani segala perubahan dan pembaharuan yang dialami ditentukan oleh kejayaan institusi keluarga, katanya.

Seminar yang bertujuan memberi pendedahan mengenai program kemasyarakatan, pendidikan dan pembangunan keluarga kepada anggota wanita PERKIM itu dianjurkan oleh Wanita PERKIM Kuala Lumpur Utara dengan kerjasama BTN dan Wanita PERKIM Kebangsaan. -- BERNAMA

RHM OBA